

29 SEP 2002

Hamid-PBB

TINDAKAN KE ATAS NEGARA LAIN TIDAK PATUT BELAKANGKAN PBB

TAIPING, 29 Sept (Bernama) -- Tindakan yang hendak diambil ke atas negara lain mestilah tidak membelakangkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan masyarakat dunia patut bersatu dalam menyuarakan pandangan mereka tentang perkara ini, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau berkata seluruh negara di dunia sepatutnya menyuarakan pandangan yang sama bagi menyekat tindakan Amerika Syarikat yang terus berdegil untuk menyerang Iraq dan menggulingkan Presiden Saddam Hussein.

Katanya sekiranya sistem multilateral PBB diketepikan, ini akan menjatuhkan kredibiliti dan imej badan dunia itu sebagai satu badan yang dipertanggungjawabkan menjaga keamanan dunia.

"Malaysia telah menyuarakan pendapat dalam hal ini dan berharap negara-negara lain akan menyuarakan pendapat yang sama supaya keamanan dan kestabilan dunia akan terus terpelihara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pelancaran jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) kawasan Parlimen Bukit Gantang, di Changkat Jering dekat sini hari ini.

Syed Hamid berkata negara-negara Arab dan Timur Tengah yang berada dalam rantau konflik patut menyuarakan dengan jelas bahawa mereka tidak menyokong peperangan.

"Perkara itu perlu diselesaikan secara multilateral kerana PBB tidak mahu negara lain juga akan mengambil langkah yang sama seperti yang dibuat oleh Amerika, sekiranya negara-negara berkenaan berpendapat kepentingan mereka turut diancam oleh sesebuah negara lain.

"Apa yang saya nampak dalam situasi sekarang ialah ia lebih berlandaskan hanya Amerika yang betul, dan bukan berasaskan kepada kebenaran dan hak," katanya.

Syed Hamid berkata tindakan Amerika adalah satu perkembangan yang kurang sihat dan sekarang sudah sampai masanya negara-negara di dunia menggunakan kedudukan masing-masing bagi memaklumkan kepada Amerika supaya menggunakan saluran multilateral.

"Malaysia berharap supaya Setiausaha Agung PBB Kofi Annan mengambil tindakan yang sewajarnya sepertimana ucapan pembukaannya semasa Perhimpunan Agung PBB di New York baru-baru ini, iaitu menyekat mana-mana pihak yang cuba meniadakan mandat badan dunia itu," katanya.

Katanya pendirian Malaysia telah disuarakan kepada Amerika dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sudah membuat kenyataan bahawa mana-mana negara tidak boleh diizinkan untuk mengeneipkan sistem PBB.

"Iraq sekarang sudah bersedia menerima kemasukan semula pemeriksa senjata PBB dan biarlah mereka menjalankan kewajipan tersebut sebelum sebarang tindakan ketenteraan di ambil keatas Iraq. Sekiranya setiap negara dibenarkan mengambil tindakan sendiri dan membelakangkan PBB, maka kredibiliti setiausaha agung badan dunia itu akan terjejas," kata Syed Hamid.

Beliau berkata sekiranya Iraq diserang, ia bukan sahaja akan menjejaskan rakyatnya tetapi akan turut menjejaskan ekonomi dunia disebabkan harga minyak akan melambung dan ketidaktentuan akan wujud.

"Ekonomi dunia baru menunjukkan tanda-tanda pemulihan dan dengan suasana perang serta iklim pertentangan dan konflik seperti ini, ia mempunyai kesan negatif kepada perkembangan politik dan ekonomi dunia," kata beliau.

Katanya dunia seolah-olah lupa terhadap tindakan Israel yang sedang

menduduki wilayah Palestin secara haram dan melakukan pembunuhan mengikut
perkiraan mereka sendiri.

-- BERNAMA

KAY HM